

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 SEPANJANG MESYUARAT SAINTIFIK TAHUNAN *MALAYSIAN SOCIETY OF COLORECTAL SURGEONS* (COLOPROCTOLOGY 2020) PADA 5 – 8 MAC 2020 DI HOTEL WEIL, IPOH

1.Langkah Pencegahan COVID-19 SEBELUM Hadir Ke Mesyuarat

Mana-mana peserta persidangan yang baru kembali dari lawatan ke **China** (tanah Besar China, Hong Kong, Macau, Taiwan), **Korea Selatan, Jepun, Itali dan Iran** sejak 14 hari sebelum tarikh persidangan 9 Mac 2020 dan mengalami gejala **demam atau Batuk atau sakit tekak** dinasihatkan **tidak perlu hadir** persidangan ini dan beliau dimohon **pergi** ke mana-mana klinik kesihatan atau klinik swasta berdekatan untuk penilaian kesihatan selanjutnya.

2. Langkah Pencegahan COVID-19 SEMASA Hadir Ke Mesyuarat

2.1 Pihak penganjur perlu menyediakan **hand sanitizer** yang mencukupi diletakkan di stesen **hand sanitizer** untuk kegunaan para peserta persidangan khususnya di kaunter pendaftaran, setiap pintu masuk bilik persidangan dan hadapan tandas.

2.2 Peserta persidangan digalakkan mengamalkan **etika batuk** iaitu jika batuk atau bersin, gunakan tisu dan terus membuangnya ke dalam bekas bertutup. Jika tiada tisu, batuk atau bersin ke siku (bent elbow).

2.3 Peserta gunakan **penutup hidung dan mulut** (face mask) jika peserta ada gejala Batuk dan membasuh tangan selepas membuang *face mask* ke dalam bekas bertutup.

2.4 Peserta memastikan **social distance** (minima jarak **1 meter**) daripada mana-mana peserta lain yang ada gejala batuk atau bersin.

2.5 Pihak penganjur memasukkan satu pamflet pencegahan COVID-19 (boleh dimuat turun dari laman web rasmi kementerian Kesihatan malaysia iaitu **www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2264**) ke dalam fail peserta.

2.6 Pengacara mesyuarat perlu kerap memaklumkan langkah-langkah pencegahan COVID19 (contoh kerap membasuh tangan, amalkan etika batuk dan sebagainya) kepada para peserta sepanjang mesyuarat ini berlangsung.